

Bil. (18) dlm.PWN.Sel.(P) 869/4 Jld. 2



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL. 8 TAHUN 2011

Kepada

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

**PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA SEBUT HARGA DAN
TENDER BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI
SELANGOR**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelantikan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, MMKN ke 25/2011 yang bersidang pada 20 Julai 2011 telah bersetuju dengan komponen keahlian Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.
- 2.2 Sehubungan itu, Kerajaan Negeri juga telah memutuskan supaya Ahli Majlis dilantik sebagai **pemerhati** sahaja di dalam mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender di peringkat PBT.
- 2.3 Tugas **pemerhati** di dalam mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender adalah untuk memberi nasihat atau pandangan sekiranya diperlukan dan semasa keputusan hendak dibuat, hanya ahli Jawatankuasa sahaja yang boleh berada di dalam bilik mesyuarat tersebut.

3.0 PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA SEBUT HARGA DAN TENDER

- 3.1 Susulan daripada keputusan tersebut, keahlian Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

3.1.1 Jawatankuasa Sebut Harga

Ahli-Ahli	Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Pengerusi	Datuk Bandar / Yang di Pertua	Yang di Pertua
Ahli	Timbalan Datuk Bandar / Timbalan Yang di Pertua	Setiausaha
	Pengarah Kewangan / Penasihat Undang-Undang	Pengarah Kewangan
	Pegawai Teknikal	Pegawai Teknikal
Urusetia	Pelantikan dibuat oleh Datuk Bandar / Yang di Pertua	Pelantikan dibuat oleh Yang di Pertua
Pemerhati	4 Orang Ahli Majlis	4 Orang Ahli Majlis

3.1.2 Jawatankuasa Tender

Ahli-Ahli	Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Pengerusi	Datuk Bandar / Yang di Pertua	Yang di Pertua
Ahli	Timbalan Datuk Bandar / Timbalan Yang di Pertua	Pengarah Kewangan
	Pengarah Kewangan	Penasihat Undang- Undang
	Penasihat Undang-Undang	Setiausaha
	Pegawai Teknikal	Pegawai Teknikal
Urusetia	Pelantikan dibuat oleh Datuk Bandar / Yang di Pertua	Pelantikan dibuat oleh Yang di Pertua
Pemerhati	4 Orang Ahli Majlis	4 Orang Ahli Majlis

4.0 PENGECUALIAN

Sebarang pengecualian daripada mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan semua peraturan Perbendaharaan yang berkuatkuasa hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri selaras dengan **Arahan Perbendaharaan (AP) 168**.

5.0 KUAT KUASA

Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor ini adalah berkuat kuasa pada **1 Ogos 2011** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan (AP) dan Pekeliling lain yang berkaitan.

6.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor ini, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 6 Tahun 2009 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh : **20** Julai 2011

s.k:

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor